

KUIS - ISESCO METERAI MoU KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

Bernama News | Siaran Akhbar 1 04/03/2010

UNTUK PERHATIAN EDITOR, MEJA AM

BANGI Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Pertubuhan Antarabangsa Pendidikan, Saintifik dan Budaya Islam (ISESCO) telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) untuk menubuhkan Pusat Pendidikan Serantau yang akan berpusat di sini.

Majlis menandatangani MoU tersebut telah diadakan di ibu pejabat ISESCO di Rabat, Maghribi pada 18 Februari lalu dan hadir sama ialah Ahli Lembaga Pengarah KUIS, Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa, Rektor KUIS, Prof. Dato' Mohd Adanan Isman, Dekan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan KUIS, Ustaz Ahmad Ismail dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Moden, Ustaz Mohd Nothman Mohd Nor.

Menerusi kerjasama tersebut, KUIS berperanan memperkembangkan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, penterjemahan dan penerbitan dalam bahasa Arab di Malaysia dan rantau Asia. Selain itu, Pusat Pendidikan Serantau berfungsi menyediakan latihan pendidikan dan pengajaran kepada guru-guru bahasa Arab serta kursus persediaan dan pendedahan bahasa Arab kepada pelajar-pelajar yang akan menyambung pengajian di Timur Tengah.

Menteri Besar Selangor merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah KUIS, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim telah menandatangani MoU tersebut bagi pihak KUIS dan Kerajaan Negeri Selangor manakala pihak ISESCO diwakili oleh Prof. Dr Othman selaku Setiausaha Agung.

Rektor KUIS, Prof. Dato' Mohd Adanan Isman berkata, pemilihan KUIS sebagai Pusat Pendidikan Serantau ini merupakan suatu pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang akan melonjakkan lagi nama dan imej KUIS terutama dalam usaha memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa AL-Ouran.

Selain itu, penubuhan Pusat Pendidikan Serantau ini juga selaras dengan hasrat kerajaan negeri Selangor untuk menjadi hab pendidikan tinggi di Malaysia.

"Saya percaya penubuhan Pusat ini akan memberi manfaat bukan sahaja kepada KUIS tetapi sesiapa sahaja samada di Malaysia ataupun negara-negara jiran menerusi kemudahan dan kepakaran yang disediakan oleh pihak ISESCO,"katanya.

Pejabat ISESCO ini yang akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober depan di KUIS akan mula menganjurkan beberapa siri Seminar Antarabangsa dalam bidang pengajaran bahasa Arab dan pengajian Islam.

ISESCO yang berpusat di Maghribi dianggotai 44 negara Islam seluruh dunia yang berperanan meningkatkan persefahaman dan kerja sama antara negara anggota mengenai kedamaian dan keselamatan menerusi pendidikan, sains, budaya dan komunikasi.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor dalam ucapannya semasa Majlis menandatangani MoU turut berbangga dengan pencapaian dan pengiktirafan KUIS sebagai Pusat Pendidikan Serantau dan berharap agar KUIS terus berperanan secara aktif dan progresif memartabatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa antarabangsa setanding bahasa dunia Lain.

Menurut beliau, ISESCO telah membuat pilihan tepat dengan memilih KUIS untuk menubuhkan pusat pendidikan serantau itu kerana Selangor adalah negeri paling maju dan mempunyai penduduk tempatan asing yang mempunyai latar belakang budaya agama dan kaum yang berbeza.

KUIS merupakan sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan program-program pengajian peringkat diploma, sarjana muda dan juga sarjana dalam pelbagai bidang termasuk pengurusan perniagaan, perbankan Islam, kejururawatan, pendidikan, komunikasi, pengajian Islam dan teknologi maklumat.

SUMBER: KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR

UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

NAMA: NUR ADZLIN ISHAK
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Pembangunan Korporat
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Tel : 03-89254251

TARIKH SIARAN: 4 MAC 2010

DISIARKAN OLEH BERNAMA, PERHUBUNGAN MEDIA & PENGURUSAN